

JENAYAH

9 haiwan dilindungi gagal diseludup

➔ PPM Wilayah Dua tahanan empat lelaki termasuk 3 warganegara Indonesia

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**
badrulkamal@bh.com.my

➔ Muar

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua mematahkan cubaan menyeludup masuk sembilan haiwan dilindungi yang dianggarkan bernilai kira-kira RM403,000 dalam serbuan di Jeti Nelayan Parit Unas

di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 8.05 malam, PPM Wilayah Dua turut merampas dua orangutan, seekor musang albino dan enam ungka, selain turut menahan seorang lelaki tempatan dan tiga lelaki warga Indonesia yang berusia 23 hingga 40 tahun.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Paul Khiu Khon Chiang, berkata bertindak atas maklumat dan pengaduan awam, sepasukan pegawai serta anggota PPM Wilayah Dua Muar membuat intipan di kawasan jeti nelayan berkenaan.

"Selepas hampir sejam menunggu, sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis PERODUA Alza berwarna biru masuk menghampiri jeti nelayan Parit Unas. Sebuah bot juga kelihatan berada di jeti yang sama dan beberapa lelaki dilihat mengangkat beberapa kotak masuk ke dalam MPV berkenaan.

"Pasukan PPM kemudian menyebu kenderaan berkenaan, namun MPV yang dipandu seorang lelaki tempatan berusia 28 tahun bertindak memcut kenderaan itu sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Kejar MPV 1 kilometer

"Bagaimanapun, PPM Wilayah Dua berjaya menahan kenderaan itu selepas mengejarnya kira-kira satu kilometer," katanya pada sidang media di Pangkalan PPM Wilayah Dua Muar di sini, semalam.

Khon Chiang berkata, pemeriksaan terhadap kenderaan itu menemui empat kotak besar berwarna coklat yang diletakkan di tempat duduk belakang MPV.

"Hasilnya, kami menemui dua orangutan, seekor musang albino dan enam ungka.

"Pada masa sama, bot ronda PSC 43 juga menahan bot yang me-

[FOTO ADI SAFRI/BH]



Khon Chiang (kiri) menunjukkan anak orangutan yang cuba diseludup pada sidang media di Pangkalan PPM Wilayah Dua Muar, semalam.

lakukan pemindahan haiwan dilindungi dan menahan tiga lelaki warga Indonesia," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal pihaknya tidak menolak kemungkinan haiwan dari spesies dilindungi itu dibawa masuk ke negara ini bagi

tujuan latihan untuk pameran dan juga sebagai haiwan peliharaan.

"Semua suspek kini direman selama 28 hari bagi membantu siasatan dan semua haiwan terbabit diserahkan kepada PERHILITAN untuk tindakan lanjut.